

AKTIVITI UASA 1 Kata Nama Am; Kata Nama Khas

Formal Terbaharu UASA

Sodan 1 hingga 20

Pilih jawapan yang paling sesuai.

Sodan 1 berdasarkan gambar di bawah.



1. _____ di Kuala Gula keluar menangkap ikan dengan menaiki bot.
A Petani C Pesawah
B Peniaga D Nelayan
2. Dari puncak Bukit Melawati, Najwa dapat melihat kapal-kapal dagang samar-samar di tengah _____.
A laut C sungai
B awan D padang
3. Apabila tiba waktu petang, Pak Andak gemar menjebak _____ di tepi sawah terbiar itu.
A kucing C burung
B landak D ikan

Sodan 4 berdasarkan gambar di bawah.



4. Pak Taman berehat di tepi _____ sambil menikmati bekal yang dibawa dari rumah.
A dangau C kedai
B tadika D rumah

5. Ibu membubuh baja pada pokok _____nya setiap dua minggu sekali supaya cepat berbunga.
A keladi C orkid
B pandan D paku pakis
6. Sekumpulan _____ telah dihantar ke Karbala untuk memberikan bantuan perubatan kepada mangsa perang.
A wartawan C guru
B doktor D peniaga

Sodan 7 berdasarkan gambar di bawah.



7. _____ tembaga itu kelihatan berkilat kerana selalu digilap oleh ibu.
A Kasut C Keris
B Jam D Dulang
8. Kelip-kelip ialah sejenis _____ yang akan mengeluarkan cahaya pada bahagian ekornya.
A penyu C burung
B ikan D serangga
9. Banjir yang telah melanda Kampung Sembilan menyebabkan penduduk-penduduknya terpaksa dipindahkan ke _____ orang ramai.
A kantin
B dewan
C pondok
D kandang

Soalan 10 berdasarkan gambar di bawah.



10. Nenek Jah memetik pucuk _____ di tepi paya itu untuk dibuat kerabu.
A paku pakis
B bayam
C sawi
D kangkung
11. _____ telah berjaya menawan Selat Inggeris pada tahun 2003.
A Datuk Azhar Mansor
B Datuk Malik Mydin
C Tun Dr. Mahathir Mohamad
D Muhammad Muqharabbin
12. Ayah menghadiahkan sepasang kasut sukan baharu jenama _____ kepada abang kerana kasut sukannya sudah koyak.
A Nokia
B Adidas
C Jotun
D Sony
13. Awal-awal pagi lagi, _____ terbang mencari makanan untuk anak-anaknya.
A Sang Monyet
B Sang Singa
C Sang Kancil
D Sang Camar
14. Adriana dan kakaknya telah menyaksikan pementasan makyung itu di _____.
A Taman Botani
B Istana Budaya
C Hentian Putra
D Perpustakaan
15. Teater muzikal _____ itu diarahkan oleh Datuk Rahim Razali.
A Uda dan Dara
B Sejarah Melayu
C Kosmo
D Harian Metro
16. _____ bertugas sebagai pakar bius di Hospital Putrajaya.
A Kapten Haider
B Inspektor Salman
C Doktor Shahrizan
D Cikgu Syarifah
17. Kakak berulang-alik ke tempat kerjanya di Cyberjaya dengan memandu _____.
A KTM Komuter
B LRT-PUTRA
C LRT-STAR
D Perodua Ativa
18. Sungai Rajang dipercayai menjadi tempat tinggal _____ yang sangat ditakuti penduduk di pinggir sungai itu.
A Si Putih
B Raja Rimba
C Sang Samba
D Bujang Senang
19. Pameran Kebaya Nyonya 2025 itu diadakan di _____ selama sebulan.
A Muzium Negara
B Pusat Sains Negara
C Tugu Peringatan Negara
D Stesen Sentral Kuala Lumpur
20. Ayah saya melanggan surat khabar _____ pada setiap hari.
A Kuntum
B Berita Harian
C Ombak Rindu
D Kamus Dewan